

Headline	TH serah zakat perniagaan RM1.7 juta		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	22	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	80 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,708
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,125



TH serah zakat perniagaan RM1.7 juta

Seremban: Lembaga Tabung Haji (TH) menyerahkan zakat perniagaan tahun lalu sebanyak RM1.7 juta kepada Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS), iaitu peningkatan 11 peratus berbanding tahun sebelum itu.

Ketua Pegawai Operasi TH, Datuk Seri Kamarudin Mat Ali (**gambar**), berkata negeri ini menerima zakat perniagaan sebanyak RM1.5 juta pada 2012 dan RM1.4 juta pada 2011.

Katanya, peningkatan jumlah zakat perniagaan sejajar dengan prestasi pendapatan keseluruhan TH tahun lalu yang memberangsangkan.

“Bilangan pendeposit yang semakin meningkat di negeri ini, iaitu seramai 14,000 pendeposit baru tahun lalu juga membolehkan jumlah zakat bertambah.

Zakat perniagaan bertambah

“TH bersyukur dengan perkembangan positif ini dan berharap lebih ramai umat Islam menjadi pendeposit supaya jumlah zakat perniagaan terus bertambah,” katanya selepas menyerahkan zakat perniagaan kepada Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir di Istana Hinggap di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Mohd Yusof Ahmad.

